

Nama : Tingkatan :



PERSIDANGAN PENGETUA & MAJLIS PENGETUA
MAAHAD & SEKOLAH MENENGAH UGAMA (A)
YAYASAN ISLAM KELANTAN



Prinsip

Perakaunan

Kertas 2

NOV 2022

2 jam 30 minit

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama dan tingkatan anda pada ruangan di atas.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan di Bahagian A dan **dua** soalan di Bahagian B.
4. Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak



Bahagian A

[60 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. (a) Nyatakan catatan kontra bagi setiap akaun yang berikut.

i. Aset Bukan Semasa [1 markah]

ii. Akaun Belum Terima [1 markah]

(b) Hutang lapuk merupakan belanja operasi bagi sesebuah perniagaan. Berikan **dua** sebab berlakunya hutang lapuk. [2 markah]

(c) Encik Zakwan memiliki 8 000 unit 7% syer keutamaan Syarikat Berkah Berhad pada harga RM2.00 sesyer.
 Nyatakan **dua** keistimewaan yang diperoleh Encik Zakwan sebagai pemegang syer berkenaan. [2 markah]

(d) Maklumat berikut tentang harga kos dan harga pasaran yang terdapat dalam empat keping kad inventori.

Kad Inventori	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
1	770	980
2	1 620	1 450
3	1 740	1 990
4	2 380	2 830

Berapakah nilai inventori akhir yang akan direkodkan ke dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi? [2 markah]

(e) Nyatakan akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan bagi urusan niaga di bawah.

Pemilik telah mengambil tunai sebanyak RM1 200 untuk didermakan ke rumah anak yatim.

[2 markah]

2. Ali ialah pemilik Kedai Pakaian Ally yang memulakan perniagaan milikan tunggal pada 1 Januari 2021. Imbangan duga perniagaannya pada 31 Disember 2021 adalah seperti di bawah.

Kedai Pakaian Ally
Imbangan Duga pada 31 Disember 2021

	Debit RM	Kredit RM
Kenderaan (kos)	40 000	
Inventori pada 1 Januari 2021	25 200	
Modal pada 1 Januari 2021		159 270
Perabot (kos)	8 000	
Premis	150 000	
Susut Nilai Berkumpul Perabot		2 140
Susut Nilai Berkumpul Premis		20 000
Belian	49 300	
Jualan		97 800
Pulangan Jualan	640	
Overdraf Bank		1 400
Diskaun Diberi	80	
Angkutan masuk	580	
Hutang lapuk	240	
Peruntukan hutang ragu		70
Akaun Belum Terima	5 660	
Akaun Belum Bayar		6 170
Gaji	14 400	
Insurans	1 170	
Sewa		10 400
Kadar Bayaran	1 920	
Faedah atas overdraf bank	60	
	297 250	297 250

Pelarasan berikut perlu diambil kira :

1. Inventori pada 31 Disember 2022 dinilai pada RM24 900
2. Sewa tahunan ialah RM10 800.
3. Kadar bayaran yang masih belum dibayar ialah RM200.
4. Gaji yang perlu dibayar pada setiap bulan ialah RM1 300.
5. Seorang pelanggan telah meninggal dunia dan hutangnya sebanyak RM160 dihapus kira sebagai hutang lapuk.
6. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
7. Susut nilai aset bukan semasa :
 - Kenderaan disusutnilaikan sebanyak 20% setahun atas kos.
 - Perabot disusutnilaikan sebanyak 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
 - Premis disusutnilaikan sebanyak 5% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [15 markah]
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021. [10 markah]

3. (a) Butir berikut adalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti Kelab Chenta Origami bagi tahun berakhir 31 Mei 2022.

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Derma untuk membeli komputer	7 130	Insurans	1 650
Yuran	27 890	Belanja pesta ria	6 290
Bayaran masuk	5 630	Alatan pejabat	3 650
Jualan tiket pesta ria	11 570	Hadiah pertandingan	2 930
Yuran pertandingan	6 270	Majalah origami	790
Sewa bilik seminar	2 750	Utiliti	420

Maklumat tambahan:

- i. Pada 1 Jun 2021, kelab itu mempunyai aset dan liabiliti seperti berikut:

	RM
Rumah kelab	110 000
Pinjaman bank	11 000
Tunai di bank	5 170
Yuran belum terperoleh	580
Majalah origami prabayar	310
Utiliti belum bayar	180
Insurans belum bayar	330
- ii. Kelab ini mempunyai 240 ahli dan yuran tahunan ialah RM120 seorang.
- iii. Pada 31 Mei 2022, yuran sebanyak RM1 320 masih belum dijelaskan.
- iv. Alatan pejabat hendaklah disusutnilaikan sebanyak 20% setahun.
- v. Insurans prabayar pada 31 Mei 2022 ialah RM180.
- vi. Faedah atas pinjaman adalah 5% setahun.
- vii. Bayaran masuk dianggap sebagai penerimaan hasil.
- viii. Derma dianggap sebagai penerimaan modal.
- ix. Utiliti belum bayar bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM320.

Anda dikehendaki menyediakan;

- i. Akaun Yuran. [6 markah]
- ii. Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mei 2022. [13 markah]

(b) Syarikat Mustakim Berhad ditubuhkan untuk membekalkan pakaian uniform kepada pelajar-pelajar sekolah.

Pada 1 Mei 2022, syarikat telah menerbitkan 4 000 000 unit 8% syer keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 2 000 000 unit syer biasa pada harga RM0.50 sesyer kepada orang awam pada nilai tara. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Hitung perkara-perkara yang berikut:

- i. Modal syer biasa [2 markah]
- ii. Modal syer keutamaan [2 markah]
- iii. Modal diterbitkan dan berbayar penuh [2 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja.

4. Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Amer pada 31 Januari 2022 adalah seperti berikut.

Perniagaan Amer

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Januari 2022

<u>Aset Bukan Semasa</u>	RM	<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
Kenderaan	35 000	Modal	58 000
Perabot	8 000		
		<u>Liabiliti Semasa</u>	
<u>Aset Semasa</u>		Akaun Belum Bayar	5 600
Tunai	900	Sewa Belum Bayar	800
Bank	12 000	Gaji Belum Bayar	500
Inventori	4 000		
Akaun Belum Terima	5 000		
	64 900		64 900

Urus niaga tersebut berlaku sepanjang bulan Februari 2022.

- Menjual van lama yang bernilai RM20 000 dengan harga RM18 000 dan cek diterima.
- Membawa masuk almari dari rumah yang bernilai RM400 untuk kegunaan perniagaan.
- Membeli barang niaga yang berjumlah RM3 000 secara kredit.
- Menjual barang niaga berkos RM2 500 pada harga RM2 800 secara tunai dan tunai dibankkan.
- Menerima cek berjumlah RM4 800 daripada pelanggan dan diskaun RM200 diberikan.
- Membayar sewa dan gaji belum bayar dengan cek.

- vii. Membayar pembekal sebanyak RM3 000 dengan cek dan menerima diskaun RM300.
- viii. Membuat pinjaman daripada pihak bank sebanyak RM15 000.
- ix. Menerima komisen berjumlah RM250 secara tunai.

Anda dikehendaki :

(a) Melengkapkan jadual di bawah untuk menunjukkan kesan setiap urusan niaga terhadap persamaan perakaunan di Lampiran 1. [20 markah]

5. Tina dan Riya merupakan dua orang pekongsi yang bekerjasama dalam Perkongsian TRue. Mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian pada 1 Mei 2022. Kongsi untung atau rugi adalah sama rata. Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2022 adalah seperti di bawah.

Perkongsian TRue

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2022

<u>Aset Bukan Semasa</u>	RM	RM	<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
Perabot	6 450	27 450	Akaun Modal Tina	18 000
Alatan Pejabat	7 200		Akaun Modal Riya	18 000
Kenderaan	13 800		Akaun Semasa Tina	400
			Akaun Semasa Riya	600
<u>Aset Semasa</u>				37 000
Akaun Belum Terima	13 150	27 550	<u>Liabiliti Semasa</u>	18 000
Inventori	1 500			
Bank	12 900			
		27 550	Akaun Belum Bayar	
		55 000		55 000

Perkara-perkara tersebut telah berlaku semasa pembubaran perkongsian:

- i. Tina mengambil alih perabot dan alatan pejabat pada nilai RM12 200.
- ii. Riya mengambil alih kenderaan dan inventori akhir pada nilai RM14 500.
- iii. Akaun Belum Terima menjelaskan semua hutang sepenuhnya.
- iv. Semua hutang dijelaskan kepada Akaun Belum Bayar pada nilai RM17 600 dan bakinya ialah diskaun diterima.
- v. Belanja realisasi ialah RM640.
- vi. Baki Akaun Semasa dipindahkan ke Akaun Modal.
- vii. Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|--------------------------|------------|
| (a) Akaun Realisasi | [8 markah] |
| (b) Akaun Modal pekongsi | [6 markah] |
| (c) Akaun Bank | [6 markah] |

6. Kilang Deena merupakan sebuah kilang yang mengeluarkan sandwich di Bandar Tunjong Kota Bharu, Kelantan. Harga bagi sandwich ialah RM4 seunit.

Anggaran kos pengeluaran produk berkenaan adalah seperti yang berikut.

	RM
Susut nilai mesin kilang	800
Sewa kilang	560
Insurans kilang	80
Roti	0.40 seunit
Chicken slice	1.00 seunit
Keju	0.50 seunit
Lain-lain bahan	0.30 seunit
Upah langsung	0.60 seunit

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Menghitung

- i. Margin caruman seunit. [2 markah]
- ii. Titik pulang modal (dalam unit) [2 markah]

(b) Berdasarkan jawapan anda di (a), lukis graf titik pulang modal pada kertas graf dengan menggunakan skala yang sesuai. Anda perlu:

- i. Melabel semua garisan pada graf. [6 markah]
- ii. Menunjukkan titik pulang modal. [3 markah]
- iii. Melorek kawasan untung dan rugi. [2 markah]

(c) Hitung keuntungan yang diperoleh sekiranya Kilang Deena mensasarkan pengeluaran sebanyak 20 000 unit sandwich dengan melibatkan belanja operasi sebanyak RM400. [3 markah]

(d) Nyatakan **dua** fungsi titik pulang modal kepada pengeluar. [2 markah]

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT



Lihat sebelah



